



SIARAN MEDIA

YAB PERDANA MENTERI SANTUNI WARGA KPKT PADA PROGRAM IHYA' RAMADAN

PUTRAJAYA, 3 Mac 2026 – Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) hari ini menganjurkan **Program Ihya' Ramadan** yang disempurnakan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim.

Setibanya di KPKT, YAB Perdana Menteri telah mempengerusikan **Mesyuarat Pengurusan Tertinggi KPKT** dan diberikan Taklimat K.H.A.S (Keutamaan Insan, Hasil Pantas, Anjakan Berimpak Tinggi, Sistematis) oleh Menteri Perumahan Kerajaan Tempatan, YB Nga Kor Ming.

Menurut YB Nga Kor Ming, K.H.A.S merupakan sebuah pelaksanaan dasar-dasar kementerian yang mengutamakan keperluan rakyat, memacu penyampaian perkhidmatan yang pantas, melaksanakan perubahan struktur berimpak besar dan memastikan tadbir urus yang telus serta sistematik.

"K.H.A.S merupakan cara KPKT menterjemahkan roh Malaysia MADANI dalam tindakan harian iaitu rakyat diutamakan, hasil disegerakan, impak diperbesar dan pelaksanaan diperkemas. Melalui kerangka ini, KPKT komited untuk melaksanakan reformasi yang akan memberi manfaat langsung rakyat," ujar beliau.

Seterusnya, YAB Perdana Menteri bersama-sama pengurusan tertinggi dan warga KPKT telah mendengar tazkirah khas bertajuk "**Ramadan Membina Perpaduandan Kasih Sayang**" yang disampaikan oleh PU Riz selaku penceramah jemputan.

Tazkirah tersebut menekankan ibadat puasa bukan sekadar menahan lapar dan dahaga, malah madrasah untuk menyemai benih kasih sayang serta memperkukuh perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama selaras dengan prinsip Malaysia MADANI.

Seusai sesi tazkirah, YAB Perdana Menteri bersama warga KPKT telah **menunaikan solat Zohor secara berjemaah** yang diimamkan oleh Penguasa Bomba, Encik Luqman bin Ramli yang merupakan pegawai yang bertugas di Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

KPKT merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YAB Perdana Menteri atas kesudian beliau meluangkan masa hadir untuk menyantuni seramai 400 orang warga KPKT.

Kehadiran YAB Perdana Menteri, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar; Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (KPPA), Tan Sri Wan Ahmad Dahlan bin Haji Abdul Aziz serta Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Datuk Johan Mahmood Merican, bukan sahaja menyuntik semangat penjawat awam malah mencerminkan keprihatinan Kerajaan terhadap kebajikan dan pembangunan kerohanian.

Program yang berlangsung di KPKT ini merupakan antara inisiatif utama Kementerian dalam mengimarahkan bulan Ramadan melalui program-program kerohanian yang dapat memperkukuh kefahaman serta penghayatan ibadah sepanjang bulan suci ini.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

